



KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

KEPUTUSAN NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA (NPI) SIRI “A__A”

KLANG, 24 APRIL 2025 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin mengumumkan keputusan bidaan **Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) Siri A__A** yang telah dibuka sempena Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-79 pada 19 hingga 23 April 2025 telah berjaya merekodkan kutipan hasil keseluruhan sebanyak **RM24,022,793.00**.

Untuk makluman, hasil bidaan **NPI**, termasuk **Siri A__A** ini, adalah merupakan usaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk merealisasikan hasrat Kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Kementerian seperti Program MyLESEN, Program Pertukaran Topi Keledar, Program FlySISWA dan pelbagai inisiatif MOT untuk rakyat.

NPI Siri A__A ini juga telah menunjukkan sambutan yang luar biasa daripada pembida-pembida. Jumlah penyertaan keseluruhan pembida siri ini adalah seramai **24,470 orang** dan sebanyak **6,746 pembida** telah berjaya memenangi nombor pendaftaran masing-masing.

Berdasarkan kepada rekod bidaan, **NPI Siri A__A** yang telah dibida dengan **harga paling tinggi** ialah **A9A** dengan nilai **RM902,020.00**. Seterusnya, bidaan kedua tertinggi ialah **A11A** dengan harga bidaan

RM703,007.00 diikuti **A8A** berada pada bidaan ketiga tertinggi dengan nilai **RM700,000.00**. Kemudian, **A7A** merupakan NPI keempat tertinggi dengan nilai bidaan **RM502,000.00** dan kelima tertinggi adalah **A2A** dengan nilai **RM490,888.00**.

Lima nombor yang paling banyak dibida ialah **A51A** seramai **40 pembida**, **A101A** seramai **31 pembida**, **A8118A** seramai **29 pembida**, diikuti dengan **A1881A** seramai **27 pembida** dan seterusnya **A19A** sebanyak **27 pembida**.

MOT dan JPJ ingin mengucapkan tahniah kepada para pembida yang telah berjaya menerima keputusan rasmi pada 24 April 2025. Terima kasih juga kepada semua yang telah menyertai bidaan ini bagi mendapatkan nombor pendaftaran kenderaan pilihan masing-masing melalui Sistem JPJeBid.

JPJ akan terus berusaha untuk memperluaskan dan memantapkan perkhidmatan digital untuk penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
24 APRIL 2025**

[TAMAT]